



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN-TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**MALAYSIA**

**5 Mei 2009**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam laporannya bertarikh 4 Mei 2009 18:00 GMT, bersamaan 5 Mei 2009 @2:00 pagi Malaysia, memaklumkan di mana tiga **(3)** buah negara lagi iaitu **Colombia, El Salvador** dan **Portugal** telah melaporkan secara rasmi kes di negara masing-masing dan menjadikan jumlah negara terlibat kepada dua puluh satu **(21)** buah. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah **1085 kes** dengan **26 kematian** iaitu pertambahan sebanyak 187 kes berbanding hari sebelumnya.

Negara Mexico melaporkan 590 kes yang disahkan melalui ujian makmal, dengan dua puluh lima (25) kematian berbanding 506 kes pada hari sebelumnya. Amerika Syarikat pula melaporkan 286 kes positif ujian makmal influenza A(H1N1) termasuk satu (1) kematian. Negara-negara lain yang melaporkan kes positif ujian makmal influenza A(H1N1) tetapi tiada kematian adalah seperti berikut: Austria (1), Kanada (101), Hong Kong (1), Costa Rica (1), Colombia (1), Denmark (1), El Salvador (2), Perancis (4), Jerman (8), Ireland (1), Israel (4), Itali (2), Belanda (1), New Zealand (6), Portugal (1),

Republik Korea (1), Sepanyol (54), Switzerland (1) dan United Kingdom (18).

WHO masih lagi mengekalkan tahap amaran Influenza Pandemik di Fasa 5, semenjak 29 April 2009 dan TIDAK menyarankan sebarang tindakan sekatan dari segi kesihatan, perjalanan dan perdagangan serta penutupan sempadan yang perlu dilakukan oleh mana-mana negara bagi perlindungan kesihatan antarabangsa. Walau pun begitu adalah penting orang awam yang mengalami tanda-tanda jangkitan terutamanya demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan untuk menengguhkan lawatan antarabangsa dan mereka yang mengalami tanda-tanda berkenaan dari lawatan antarabangsa dinasihatkan untuk mendapat rawatan.

Beberapa saranan tambahan daripada WHO meliputi amalan kebersihan diri terutama sekali membasuh tangan dengan kerap menggunakan sabun dan air, lebih-lebih lagi selepas batuk dan sekiranya mengalami gejala '*influenza-like illness*', sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Disamping itu, tiada risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1) sekiranya daging atau produk babi disediakan dan dimasak secara betul.

Pada 4 Mei 2009 Bilik CPRC Kementerian telah menerima empat (4) laporan mengenai pesakit yang dimasukkan ke wad isolasi bagi tujuan siasatan dan pemerhatian, iaitu tiga di Hospital Sungai Buluh dan satu di Hospital Umum Sarawak. Keempat-empat mereka ini mengalami tanda-tanda "*influenza-like illness*" dan mempunyai sejarah perjalanan ke negara yang dikesan mempunyai kes influenza A(H1N1). Tiga (3) dari mereka telah disahkan negatif terhadap ujian influenza A oleh Institut Penyelidikan Perubatan. Sementara seorang lagi dari Sarawak masih dalam proses ujian makmal. Sehubungan

dengan ini, sehingga masa ini **tiada kes** influenza A(H1N1) dikesan di negara kita.

Saringan kesihatan di semua pintu masuk antarabangsa yang menerima kemasukan pelawat dari negara-negara yang dilanda wabak influenza A(H1N1) serta kepulauan rakyat Malaysia dari negara tersebut terus dipertingkatkan di mana mereka disaring dan diberi *Health Declaration Form* dan *Health Alert Card*. Pihak Imigresen telah membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam proses saringan penumpang ini. Pada 4 Mei 2009, status aktiviti saringan pemantauan influenza A(H1N1) di pintu masuk udara iaitu termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang adalah seperti berikut:

- Bilangan penerbangan yang disaring : 20
- Bilangan penumpang yang disaring: 8,749
- Bilangan dirujuk ke hospital: Satu (1) ke Hospital Sungai Buluh iaitu salah satu dari tiga orang yang dirujuk ke Hospital Sungai Buluh yang didapati negatif kepada influenza A.

Di pintu masuk darat, seramai 591 penumpang dan di pintu masuk laut seramai 461 penumpang telah disaring dengan tiada yang dirujuk ke hospital.

Bilik CPRC Kementerian juga telah menerima sejumlah 78 panggilan dari orang ramai dimana lebih dari separuh menanyakan tentang perjalanan ke luar negara serta tindakan yang perlu diambil.

Sehubungan dengan ini, pihak Kementerian menasihatkan supaya, sekiranya boleh, menangguhkan perjalanan antarabangsa ke negara-negara yang dikesan mempunyai kes influenza A(H1N1) dan kepada

mereka-mereka yang kurang sihat dinasihatkan supaya tidak melakukan perjalanan ke luar negara. Kepada mereka-mereka yang baru balik dari luar negara terutama dari negara yang dikesan mempunyai kes influenza A(H1N1) diminta untuk membuat pemeriksaan sendiri dan sekiranya mempunyai tanda-tanda demam, batuk atau tanda-tanda jangkitan salur pernafasan, mereka diminta mendapat rawatan segera di klinik yang berdekatan.

Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua agensi terlibat terus meningkatkan pemantauan situasi influenza A(H1N1) dengan pihak WHO bagi memastikan tindakan-tindakan proaktif diambil untuk melindungi kesihatan awam penduduk Malaysia.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 5 Mei 2009